

FAQ : AUTHORIZATION DAN SERVICE DESK-iGFMAS

1. Bagaimanakah cara untuk memohon Peranan dalam sistem iGFMAS?

Pihak PTJ perlu mengisi borang permohonan Kew.290E-01 – Pin.1/18 dengan lengkap yang boleh dimuat turun melalui Portal ANM. Borang permohonan yang lengkap dalam format PDF berserta salinan IC hendaklah dihantar melalui sistem iGFMAS-Service Desk untuk tindakan AO.

2. Siapakah yang boleh menandatangani borang permohonan Ketua Jabatan dibahagian “Pengesahan Oleh Pemegang Waran Peruntukan/Ketua Jabatan”?

Pengesahan bagi permohonan Ketua Jabatan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai berbeza yang mendapat penurunan kuasa sebagai pemegang waran peruntukan dalam SPANM Bil 6/2018.

3. Sekiranya Pegawai Peraku yang tidak dapat menerima sebarang Baucar/Dokumen yang telah disediakan dan dihantar oleh Penyedia, apakah jalan penyelesaian yang boleh diambil berkenaan isu tersebut?

Pihak PTJ hendaklah membuat aduan melalui iGFMAS Service Desk berkenaan isu Senarai Tugas Harian(STH) yang lengkap dengan maklumat Baucar/Dokumen dan Pegawai tersebut untuk semakan dan tindakan pihak Teknikal AO dan Service Desk HQ.

Contoh maklumat yang diperlukan oleh pihak AO:

Modul Dokumen :

No Dokumen :

Tarikh Dokumen :

Amaun Dokumen :

Status (10/20/40) :

Maklumat Penyedia Dan Peraku 1/Peraku 2 :

Nama

Pegawai

Peraku:

I/C

Pegawai

Peraku:

No.PTJ:

Perihal

PTJ:

No.Tel:

4. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya BAUCAR BAYARAN EP tersalah masuk amaun melibatkan NOTA KREDIT?

Berkenaan isu permasalahan tersebut sila ambil tindakan seperti dibawah:

- 1) Teruskan bayaran untuk baucar yang telah dibuat sehingga peringkat peraku 2(IGFMAS)
- 2) Bagi amaun yang terkurang , sila buat bayaran melalui modul Invois Tanpa PT
 - pastikan pengiraan tepat bagi bayaran kepada Pembekal dan CDC
 - pada item perihal, sila catatkan "PENYELARASAN TERKURANG BAYAR BAGI NO LO ePerolehan bertarikh...

5. Bagaimanakah cara untuk membatalkan GRN di Modul Perolehan di STH?

Sila semak prosedur kerja iGFMAS Material Management (MM)

Tajuk: PROSES PEMBATALAN PENERIMAAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN DALAM iGFMAS.